



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

MALAYSIA PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI JULAI 2025

Tarikh Sebaran: 19 Ogos 2025
Masa Sebaran: Jam 1200

BAHAGIAN PERANGKAAAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



PRESTASI PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, JULAI 2025


Prestasi dagangan Malaysia meningkat pada Julai 2025, sejajar dengan peningkatan dalam eksport (6.8%), import (0.6%) dan imbalan dagangan (120.7%) tahun ke tahun. Jumlah dagangan turut meningkat RM9.7 bilion atau 3.8 peratus, kepada RM265.9 bilion.

Perbandingan secara bulanan menunjukkan peningkatan eksport, import, jumlah dagangan

dan lebih dagangan masing-masing 15.5 peratus, 10.9 peratus, 13.3 peratus dan 78.2 peratus.

Eksport, import dan jumlah dagangan bagi bulan Januari hingga Julai 2025 masing-masing meningkat 4.3 peratus, 5.1 peratus dan 4.7 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Sementara itu, lebih dagangan jatuh 4.7 peratus.

Carta 1: Prestasi Perdagangan: Bulanan, Suku Tahunan & Tahunan



EKSPORT

Prestasi eksport Malaysia berkembang positif 6.8 peratus kepada RM140.4 bilion pada Julai 2025, mengatasi prestasi import

Prestasi Eksport


Eksport Malaysia melonjak 6.8 peratus pada Julai 2025, meningkat daripada RM131.5 bilion pada Julai 2024 kepada RM140.4 bilion.

Perkembangan ini sejajar dengan peningkatan 42.0 peratus dalam eksport semula kepada RM37.0 bilion daripada RM26.1 bilion, yang merangkumi 26.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Namun begitu, eksport domestik menyumbang 73.6 peratus daripada


jumlah eksport, menurun 1.9 peratus kepada RM103.4 bilion.

Selain itu, perbandingan bulanan menunjukkan eksport bertambah 15.5 peratus atau RM18.9 bilion. Analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, eksport mencatatkan pertumbuhan drastik 20.2 peratus kepada RM140.6 bilion.

Carta 2: Eksport Domestik, Eksport Semula (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 3: Nilai Eksport Asal dan Nilai Eksport Pelarasan Musim, RM bilion



Prestasi Eksport mengikut Negara Destinasi Utama


Singapura dan Amerika Syarikat merupakan negara destinasi utama dengan sumbangan 31.5 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada Julai 2025.

Singapura terus mendominasi sebagai negara destinasi utama dengan sumbangan 18.3 peratus kepada jumlah eksport. Eksport ke Singapura bernilai RM25.8 bilion, meningkat 22.2 peratus atau RM4.7 bilion berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan elektrik dan elektronik (+RM5.7 bilion, +57.3%) serta jentera, kelengkapan dan alat ganti (+RM261.1 juta, +14.9%).

Sementara itu, nilai eksport ke Amerika Syarikat yang merangkumi 13.1 peratus daripada jumlah eksport mencatatkan RM18.5 bilion, naik RM680.2 juta atau 3.8 peratus. Peningkatan ini disokong oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan elektrik & elektronik (+RM462.5 juta, +4.5%) dan keluaran logam (+RM366.2 juta, +102.6%).

Daripada sepuluh negara utama destinasi eksport, eksport mencatatkan pertumbuhan positif ke Singapura, Amerika Syarikat, China, Kesatuan Eropah, Taiwan, Jepun, Thailand, dan Republik Korea. Manakala, Hong Kong dan Viet Nam mencatatkan penurunan pada Julai 2025.

Carta 4: Perubahan Tahunan Eksport bagi Negara Destinasi Utama, Julai 2024 dan Julai 2025



Eksport ke Negara ASEAN


Eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN menyumbang 30.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport, bernilai RM43.5 bilion, mencatatkan peningkatan 8.4 peratus.

Perkembangan ini dipengaruhi terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan elektrik & elektronik (+RM6.5 bilion, +46.1%),

diikuti oleh kelengkapan optik & saintifik (+RM259.9 juta, +28.4%) dan jentera, kelengkapan & alat ganti (+RM259.9 juta, +9.9%).

Singapura mendahului kalangan negara anggota ASEAN dalam eksport keseluruhan, menyumbang 59.2 peratus dengan nilai RM25.8 bilion, melonjak 22.2 peratus berbanding pada tahun sebelumnya.

Carta 5: Peratusan Sumbangan Eksport ke Negara ASEAN, Julai 2025



Prestasi Eksport mengikut Sektor Ekonomi


Eksport barangan perkilangan mencatatkan pertambahan 9.0 peratus (+RM10.1 bilion), merangkumi 87.0 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Punca utama kepada pertumbuhan positif ini adalah bagi barangan elektrik dan elektronik (+RM11.6 bilion, +22.5%), jentera, kelengkapan dan alat ganti (+RM936.1 juta, +15.9%), serta produk keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (+RM529.7 juta, +16.8%).

Eksport barangan perlombongan, yang menyumbang 5.7 peratus daripada jumlah eksport, turun 4.3 peratus kepada RM8.1 bilion. Penurunan ini disebabkan oleh

eksport yang lebih rendah bagi gas asli cecair (-RM345.6 juta, -7.2%), kondensat dan minyak petroleum lain (-RM223.2 juta, -64.2%), dan timah (-RM21.2 juta, -9.6%).

Eksport barangan pertanian juga menurun 8.6 peratus kepada RM9.2 bilion, merangkumi 6.5 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Penyusutan ini sejajar dengan pengurangan eksport minyak sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak sawit (-RM922.2 juta, -12.1%), getah asli (-RM99.8 juta, -25.3%), serta kayu balak (-RM27.1 juta, -46.3%).

Paparan 1: Eksport mengikut Sektor, Julai 2024 dan Julai 2025



Eksport mengikut Produk Utama Terpilih


Prestasi eksport meningkat pada Julai 2025 disebabkan oleh pertambahan dalam produk-produk berikut:

- Barangan elektrik & elektronik, yang merangkumi 45.1 peratus daripada jumlah eksport, meningkat 22.5 peratus, daripada RM51.7 bilion kepada RM63.3 bilion; dan
- Kayu & hasil keluaran kayu menaik 6.8 peratus atau RM2.0 bilion, merangkumi 1.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport.

Namun begitu, penurunan dicatatkan dalam produk-produk berikut:

- Keluaran petroleum bertapis merangkumi 5.2 peratus daripada jumlah eksport menurun 28.9 peratus atau RM7.3 bilion kepada RM3.0 bilion;
- Minyak sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, merangkumi 7.4 peratus daripada jumlah eksport, menurun 3.7 peratus atau RM396.3 juta selaras dengan penyusutan eksport minyak sawit. Komoditi utama dalam kumpulan produk ini turun RM1.0 bilion atau 16.3 peratus, sejajar dengan pengurangan dalam volum eksport (-2.0%) dan harga minyak sawit tempatan meningkat 1.9 peratus (RM4,112.5 bagi satu tan metrik). Manakala, nilai purata seunit mencatatkan kejatuhan 65.6 peratus;
- Gas asli cecair menyumbang 3.1 peratus daripada jumlah eksport, menurun RM345.6 juta atau 7.2 peratus kepada RM4.4 bilion. Selain itu, volum eksport menaik 8.3 peratus dan nilai purata seunit susut 14.4 peratus;
- Getah asli menyumbang 0.2 peratus daripada jumlah eksport, jatuh 25.3 peratus atau RM99.8 juta kepada RM294.3 juta. Penurunan ini sejajar dengan pengurangan dalam volum eksport (-22.8%), nilai purata seunit jatuh 3.2 peratus dan harga getah SMR20 menurun 6.9 peratus; dan
- Petroleum mentah merangkumi 1.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport, merosot RM17.7 juta atau 0.9 peratus kepada RM1.9 bilion, meskipun mencatatkan kenaikan dalam volum eksport (+37.9%) dan nilai purata seunit (-28.2%), selari dengan kejatuhan harga minyak mentah Brent kepada RM300.6 setong.

Paparan 2: Eksport Produk Utama Terpilih, Julai 2024 dan Julai 2025



IMPORT


Import mencatatkan kenaikan sebanyak 0.6 peratus kepada RM125.5 bilion.

Prestasi Import


Nilai import Malaysia meningkat 0.6 peratus atau RM753.5 juta kepada RM125.5 bilion pada Julai 2025. Namun, secara bulanan, import melonjak 10.9 peratus atau RM12.3 bilion. Berdasarkan analisis terma pelarasan musim bulan ke bulan, import mencatatkan peningkatan 8.6 peratus kepada RM120.7 bilion.

Import mengikut Penggunaan Akhir mencatatkan kenaikan dalam barangan modal (+20.6%) dari tahun ke tahun. Manakala barangan perantaraan dan barangan penggunaan masing-masing menurun sebanyak 17.8 peratus dan 5.0 peratus.

Carta 6: Import Nilai (RM bilion) dan Perubahan Tahunan (%)



Carta 7: Nilai Import Asal dan Nilai Import Pelarasan Musim, RM bilion



Prestasi Import mengikut Negara Asal Utama

China dan Taiwan merupakan dua negara utama asal import Malaysia pada Julai 2025 menyumbang 35.0 peratus daripada jumlah import.


Import Malaysia dari China meningkat 6.3 peratus kepada RM28.6 bilion, merangkumi 22.8 peratus daripada jumlah keseluruhan import. Peningkatan ini didorong oleh barangan elektrik & elektronik yang mencatatkan lonjakan 11.2 peratus (+RM1.1 bilion), diikuti oleh alat kelengkapan pengangkutan (+RM428.6 juta, +42.9%) dan keluaran logam (+RM176.2 juta, +10.2%).

Import dari Taiwan bernilai RM15.2 bilion, merangkumi 12.1 peratus daripada jumlah

import Malaysia, meningkat 51.6 peratus atau RM5.2 bilion berbanding tahun sebelumnya. Perkembangan ini didorong terutamanya oleh peningkatan import barangan elektrik & elektronik (+RM5.4 bilion, +66.4%) dan jentera, kelengkapan & alat ganti (+RM68.1 juta, +35.2%).

Import dari 10 negara asal utama menunjukkan peningkatan dari China, Taiwan, Republik Korea dan Viet Nam. Namun begitu, penurunan dicatatkan bagi Singapura, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jepun, Thailand dan Indonesia berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu.

Carta 8: Perubahan Tahunan Import bagi Negara Asal Utama, Julai 2024 dan Julai 2025




Import dari Negara ASEAN

Import dari negara-negara ASEAN menurun 6.8 peratus pada Julai 2025, mencecah RM28.8 bilion dan merangkumi 23.0 peratus daripada jumlah keseluruhan import Malaysia. Penurunan ini didorong oleh pengurangan import bahan kimia dan keluaran kimia (tidak termasuk bahan plastik bukan dalam bentuk utama) (-RM523.9 juta, -24.5%), perlombongan

lain-lain (-RM472.9 juta, -52.2%) serta keluaran logam (-RM435.2 juta, -31.2%).

Singapura kekal sebagai sumber import terbesar dalam kalangan negara ASEAN walaupun mencatatkan penurunan sebanyak 8.0 peratus (-RM1.3 bilion) berbanding tahun sebelumnya, dengan menyumbang 51.2 peratus daripada jumlah import ASEAN.

Carta 9: Peratusan Sumbangan Import dari Negara ASEAN, Julai 2025



Prestasi Import mengikut Sektor Ekonomi


Barangan pembuatan, yang merangkumi 86.0 peratus daripada jumlah import, naik 1.5 peratus dari RM106.3 bilion kepada RM107.9 bilion, tahun ke tahun. Prestasi ini didorong oleh peningkatan import barangan elektrik & elektronik (+RM5.4 bilion, +12.4%); kelengkapan optik dan saintifik (+RM741.3 juta, +26.6%); serta alat kelengkapan pengangkutan (+RM443.2 juta, +10.1%).

Import barangan pertanian (5.0% daripada jumlah import) menurun 11.6 peratus (-RM818.5 juta) tahun ke tahun kepada RM6.3 bilion, didorong

oleh pengurangan import pertanian lain-lain (-RM1.1 bilion, -20.3%), getah asli (-RM44.3 juta, -9.6%) dan makanan laut, segar, sejuk atau beku (-RM34.4 juta, -8.6%).

Namun begitu, import barangan perlombongan berjumlah RM9.2 bilion, susut 4.1 peratus berbanding tahun sebelumnya dan menyumbang 7.3 peratus daripada keseluruhan import Malaysia. Penurunan ini didorong oleh pengurangan import perlombongan lain-lain (-RM920.7 juta, -48.9%) dan gas asli cecair (-RM464.4 juta, -47.7%).

Paparan 3: Import mengikut Sektor, Julai 2024 dan Julai 2025



Import mengikut Produk Utama Terpilih

Import menunjukkan prestasi baik pada Julai 2025, dengan pertumbuhan positif dilihat dalam produk berikut:


- Barangan elektrik & elektronik merangkumi 8.8 peratus daripada jumlah import dan meningkat 12.4 peratus atau RM5.4 bilion kepada RM48.6 bilion; dan
- Import petroleum mentah naik 15.9 peratus atau RM771.2 juta kepada RM5.6 bilion,

menyumbang 1.0 peratus daripada jumlah keseluruhan import. Peningkatan ini sejajar dengan kenaikan dengan volum import 58.5 peratus walaupun nilai purata seunit mencatatkan penurunan dan 26.9 peratus.

Walaupun bagaimanapun, pertumbuhan negatif direkodkan bagi produk berikut:

- Keluaran petroleum bertapis menyumbang 1.5 peratus daripada jumlah import, menurun RM2.0 bilion atau 18.8 peratus kepada RM8.5 bilion. Volum import dan nilai purata seunit masing-masing mencatatkan penurunan 2.0 peratus dan 17.2 peratus; dan
- Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti, yang menyumbang 0.5 peratus daripada jumlah import, susut RM596.4 juta atau 16.4 peratus kepada RM3.0 bilion.

Paparan 4: Import Produk Utama Terpilih, Julai 2024 dan Julai 2025



Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum

Jumlah import pada Julai 2025 bernilai RM125.5 bilion, mencatatkan kenaikan 0.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Tiga kategori utama import mengikut Penggunaan Akhir, yang merangkumi 68.1 peratus daripada jumlah import, ialah;


Barangan perantaraan, menyumbang RM56.8 bilion atau 45.3 peratus daripada jumlah import, jatuh 17.8 peratus. Kejatuhan ini disebabkan oleh pengurangan import alat ganti & aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan (-RM7.1 bilion, -29.2%) dan bekalan perindustrian, t.s.t.l., diproses (-RM2.7 bilion, -11.5%).

Barangan modal, meningkat 20.6 peratus kepada RM18.2 bilion (14.5 peratus daripada

jumlah import), didorong oleh peningkatan import barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) 17.0 peratus kepada RM17.1 bilion.

Barangan penggunaan, menurun 5.0 peratus kepada RM10.4 bilion (8.3 peratus daripada jumlah import), disebabkan oleh peningkatan import barangan tidak tahan lama (-RM324.8 juta, -13.1%).

Paparan 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum,
Julai 2025



JADUAL STATISTIK

Jadual I : Eksport, Eksport Domestik, Import, Jumlah Dagangan dan Imbangan Dagangan

Tempoh	Nilai RM Juta					Perubahan Tahunan (%)				
	Eksport	Eksport Domestik	Import	Jumlah Dagangan	Imbangan Dagangan	Eksport	Eksport Domestik	Import	Jumlah Dagangan	Imbangan Dagangan
2020	983,827	799,197	800,481	1,784,308	183,345	(1.1)	(2.9)	(5.8)	(3.3)	25.9
2021	1,241,022	1,012,001	987,344	2,228,366	253,678	26.1	26.6	23.3	24.9	38.4
2022	1,550,009	1,222,034	1,293,811	2,843,821	256,198	24.9	20.8	31.0	27.6	1.0
2023	1,426,199	1,111,065	1,211,044	2,637,243	215,155	(8.0)	(9.1)	(6.4)	(7.3)	(16.0)
2024	1,509,291	1,216,060	1,370,237	2,879,528	139,053	5.8	9.4	13.1	9.2	(35.4)
2024 (JAN-JUL)	863,635	695,006	789,826	1,653,460	73,809	5.3	9.8	15.5	9.9	(45.9)
2025 (JAN-JUL)	900,474	703,633	830,156	1,730,631	70,318	4.3	1.2	5.1	4.7	(4.7)
2022										
ST1	344,290	282,220	280,656	624,946	63,634	21.8	22.0	25.5	23.4	7.7
ST2	392,348	310,278	332,992	725,340	59,356	29.3	24.8	34.8	31.8	5.4
ST3	420,094	319,467	355,128	775,222	64,966	38.5	31.3	46.5	42.0	6.6
ST4	393,277	310,069	325,035	718,312	68,243	11.9	7.3	18.5	14.8	(11.8)
2023										
ST1	355,092	276,446	291,680	646,772	63,413	3.1	(2.0)	3.9	3.5	(0.3)
ST2	348,623	267,560	292,800	641,423	55,823	(11.1)	(13.8)	(12.1)	(11.6)	(6.0)
ST3	356,280	277,863	297,245	653,525	59,035	(15.2)	(13.0)	(16.3)	(15.7)	(9.1)
ST4	366,203	289,195	329,319	695,521	36,884	(6.9)	(6.7)	1.3	(3.2)	(46.0)
2024										
ST1	362,794	291,018	328,199	690,993	34,594	2.2	5.3	12.5	6.8	(45.4)
ST2	369,338	298,561	336,911	706,248	32,427	5.9	11.6	15.1	10.1	(41.9)
ST3	384,227	311,724	358,245	742,473	25,982	7.8	12.2	20.5	13.6	(56.0)
ST4	392,932	314,757	346,882	739,814	46,050	7.3	8.8	5.3	6.4	24.9
2025										
ST1	378,359	304,338	337,315	715,674	41,045	4.3	4.6	2.8	3.6	18.6
ST2	381,667	295,882	367,372	749,039	14,294	3.3	(0.9)	9.0	6.1	(55.9)
2022										
JAN	111,060	91,391	92,822	203,882	18,238	23.8	26.6	27.1	25.3	9.7
FEB	101,742	83,899	82,589	184,331	19,152	15.9	17.0	18.5	17.0	5.7
MAC	131,488	106,930	105,244	236,732	26,244	25.0	22.4	30.1	27.2	7.7
APR	127,483	103,416	104,107	231,590	23,375	20.7	21.6	22.1	21.3	14.9
MEI	120,590	96,241	107,791	228,381	12,798	30.5	22.1	37.3	33.6	(7.6)
JUN	144,275	110,622	121,094	265,369	23,182	37.0	30.7	45.5	40.8	4.9
JUL	134,326	102,359	118,487	252,812	15,839	38.3	33.8	41.8	39.9	16.8
OGO	141,519	106,661	124,231	265,750	17,288	48.4	35.1	67.3	56.7	(18.2)
SEP	144,250	110,446	112,410	256,660	31,839	30.1	25.8	32.8	31.3	21.4
OKT	131,977	101,552	113,518	245,495	18,459	15.3	11.1	29.1	21.3	(30.6)
NOV	129,694	103,513	107,890	237,584	21,804	15.1	9.9	15.5	15.3	13.0
DIS	131,606	105,004	103,626	235,232	27,980	5.8	1.7	11.5	8.2	(11.1)

Jadual I : Eksport, Eksport Domestik, Import, Jumlah Dagangan dan Imbangan Dagangan

Tempoh	Nilai RM Juta					Perubahan Tahunan (%)				
	Eksport	Eksport Domestik	Import	Jumlah Dagangan	Imbangan Dagangan	Eksport	Eksport Domestik	Import	Jumlah Dagangan	Imbangan Dagangan
2023										
JAN	112,666	86,053	94,508	207,174	18,157	1.4	(5.8)	1.8	1.6	(0.4)
FEB	112,682	87,854	92,703	205,385	19,979	10.8	4.7	12.2	11.4	4.3
MAC	129,745	102,539	104,469	234,213	25,276	(1.3)	(4.1)	(0.7)	(1.1)	(3.7)
APR	105,166	80,176	93,821	198,986	11,345	(17.5)	(22.5)	(9.9)	(14.1)	(51.5)
MEI	119,516	93,623	104,105	223,620	15,411	(0.9)	(2.7)	(3.4)	(2.1)	20.4
JUN	123,942	93,761	94,875	218,817	29,067	(14.1)	(15.2)	(21.7)	(17.5)	25.4
JUL	116,765	89,040	99,458	216,224	17,307	(13.1)	(13.0)	(16.1)	(14.5)	9.3
OGO	115,181	92,099	97,850	213,031	17,330	(18.6)	(13.7)	(21.2)	(19.8)	0.2
SEP	124,334	96,725	99,937	224,271	24,398	(13.8)	(12.4)	(11.1)	(12.6)	(23.4)
OKT	126,152	96,392	113,187	239,339	12,964	(4.4)	(5.1)	(0.3)	(2.5)	(29.8)
NOV	121,604	95,540	109,501	231,105	12,103	(6.2)	(7.7)	1.5	(2.7)	(44.5)
DIS	118,447	97,263	106,631	225,078	11,816	(10.0)	(7.4)	2.9	(4.3)	(57.8)
2024										
JAN	122,381	94,760	112,238	234,619	10,143	8.6	10.1	18.8	13.2	(44.1)
FEB	111,445	91,683	100,116	211,561	11,329	(1.1)	4.4	8.0	3.0	(43.3)
MAC	128,967	104,575	115,845	244,812	13,122	(0.6)	2.0	10.9	4.5	(48.1)
APR	115,155	92,181	107,088	222,243	8,067	9.5	15.0	14.1	11.7	(28.9)
MEI	128,100	105,866	118,083	246,182	10,017	7.2	13.1	13.4	10.1	(35.0)
JUN	126,083	100,513	111,740	237,824	14,343	1.7	7.2	17.8	8.7	(50.7)
JUL	131,503	105,427	124,716	256,219	6,788	12.6	18.4	25.4	18.5	(60.8)
OGO	129,094	106,299	122,740	251,834	6,354	12.1	15.4	25.4	18.2	(63.3)
SEP	123,630	99,997	110,790	234,420	12,840	(0.6)	3.4	10.9	4.5	(47.4)
OKT	128,224	99,528	116,269	244,493	11,954	1.6	3.3	2.7	2.2	(7.8)
NOV	126,105	104,903	111,270	237,374	14,835	3.7	9.8	1.6	2.7	22.6
DIS	138,603	110,327	119,343	257,946	19,260	17.0	13.4	11.9	14.6	63.0
2025										
JAN	122,814	97,546	119,155	241,969	3,659	0.4	2.9	6.2	3.1	(63.9)
FEB	118,242	96,899	105,625	223,867	12,617	6.1	5.7	5.5	5.8	11.4
MAC	137,304	109,894	112,535	249,838	24,769	6.5	5.1	(2.9)	2.1	88.8
APR	133,499	99,962	128,369	261,869	5,130	15.9	8.4	19.9	17.8	(36.4)
MEI	126,618	100,812	125,858	252,475	760	(1.2)	(4.8)	6.6	2.6	(92.4)
JUN	121,550	95,108	113,145	234,695	8,404	(3.6)	(5.4)	1.3	(1.3)	(41.4)
JUL	140,448	103,412	125,469	265,917	14,979	6.8	(1.9)	0.6	3.8	120.7

Jadual II: Eksport Mengikut Negara Destinasi

Bil.	Negara	Nilai RM juta (FOB)			Sumbangan (%)	Perubahan Tahunan		Nilai RM juta (FOB)		
		Jul 2024	Jun 2025	Jul 2025		Nilai RM juta (FOB)	%	Jan-Jul 2024	Jan-Jul 2025	Sumbangan (%)
	Jumlah Eksport	131,503	121,550	140,448	100.0	8,945.1	6.8	863,635	900,474	100.0
1	Singapore	21,070	16,956	25,750	18.3	4,680.1	22.2	134,340	144,288	16.0
2	United States	17,787	16,274	18,467	13.1	680.2	3.8	104,959	130,057	14.4
3	China	14,795	14,834	15,796	11.2	1,001.6	6.8	105,468	102,599	11.4
4	EU	10,276	9,154	10,865	7.7	589.4	5.7	66,407	69,838	7.8
5	Hong Kong	7,279	8,013	6,439	4.6	(839.9)	(11.5)	48,059	52,011	5.8
6	Taiwan, Province Of China	5,335	6,983	7,823	5.6	2,487.6	46.6	36,199	47,106	5.2
7	Japan	6,855	5,585	6,868	4.9	13.2	0.2	49,583	45,142	5.0
8	Thailand	5,553	4,875	5,798	4.1	245.4	4.4	34,930	37,047	4.1
9	Viet Nam	4,936	4,415	4,703	3.3	(233.4)	(4.7)	34,592	29,985	3.3
10	Korea, Republic Of	4,851	4,293	5,116	3.6	264.6	5.5	31,634	29,507	3.3
11	India	4,719	4,280	4,623	3.3	(95.4)	(2.0)	30,861	29,230	3.2
12	Indonesia	4,525	3,951	4,014	2.9	(510.9)	(11.3)	31,233	28,759	3.2
13	Australia	3,986	3,993	3,928	2.8	(57.8)	(1.5)	28,406	27,412	3.0
14	Mexico	2,125	3,212	3,157	2.2	1,031.9	48.6	12,045	16,540	1.8
15	Philippines	2,857	2,127	2,234	1.6	(622.4)	(21.8)	16,748	15,512	1.7
16	Turkiye	1,827	1,313	1,958	1.4	130.6	7.2	12,203	12,031	1.3
17	United Arab Emirates	1,151	1,456	1,546	1.1	394.6	34.3	8,701	9,357	1.0
18	Bangladesh	935	865	673	0.5	(262.6)	(28.1)	7,413	6,235	0.7
19	United Kingdom	753	626	769	0.5	16.0	2.1	4,946	4,922	0.5
20	Canada	742	424	729	0.5	(12.7)	(1.7)	3,791	4,039	0.4
21	Kenya	597	630	415	0.3	(181.6)	(30.4)	2,429	3,238	0.4
22	Saudi Arabia	851	408	422	0.3	(428.4)	(50.4)	4,854	3,213	0.4
23	New Zealand	417	496	498	0.4	80.3	19.3	3,505	3,185	0.4
24	Pakistan	370	397	386	0.3	15.8	4.3	3,252	2,825	0.3
25	Brunei Darussalam	726	285	257	0.2	(468.2)	(64.5)	3,916	2,442	0.3
26	Sri Lanka	160	378	345	0.2	184.1	114.7	1,624	2,415	0.3
27	Switzerland	228	325	286	0.2	58.3	25.6	1,496	2,371	0.3
28	Cambodia	283	280	502	0.4	218.8	77.4	1,961	2,240	0.2
29	Brazil	436	303	417	0.3	(19.4)	(4.5)	2,445	2,187	0.2
30	Costa Rica	263	239	291	0.2	28.2	10.7	1,697	1,892	0.2
30 Negara Utama		126,687	117,369	135,075	96.2	8,388.2	6.6	829,697	867,626	96.4
Lain-lain Negara		4,816	4,181	5,373	3.8	556.9	11.6	33,938	32,849	3.6

Jadual III: Import Mengikut Negara Asal

Bil	Negara	Nilai RM juta (CIF)			Sumbangan (%)	Perubahan Tahunan		Nilai RM juta (CIF)		
		Jul 2024	Jun 2025	Jul 2025		Nilai RM juta (CIF)	%	Jan-Jul 2024	Jan-Jul 2025	Sumbangan (%)
	Jumlah Import	124,716	113,145	125,469	100.0	753.5	0.6	789,826	830,156	100.0
1	China	26,941	27,858	28,635	22.8	1,693.9	6.3	170,362	190,657	23.0
2	Singapore	16,036	11,811	14,749	11.8	(1,287.4)	(8.0)	98,476	90,905	11.0
3	United States	13,975	11,047	10,877	8.7	(3,098.2)	(22.2)	67,583	85,905	10.3
4	Taiwan, Province Of China	10,055	9,864	15,241	12.1	5,185.8	51.6	62,093	85,575	10.3
5	EU	9,531	7,818	8,519	6.8	(1,011.3)	(10.6)	59,514	55,681	6.7
6	Japan	6,279	5,232	5,891	4.7	(387.8)	(6.2)	42,233	38,021	4.6
7	Korea, Republic Of	4,120	5,933	5,679	4.5	1,558.4	37.8	32,021	35,673	4.3
8	Indonesia	5,590	5,307	4,721	3.8	(869.7)	(15.6)	34,343	35,668	4.3
9	Thailand	5,304	4,429	4,909	3.9	(394.5)	(7.4)	32,384	30,045	3.6
10	Viet Nam	2,551	2,552	3,376	2.7	825.2	32.3	17,177	19,262	2.3
11	Saudi Arabia	1,734	1,178	2,414	1.9	679.7	39.2	21,231	18,723	2.3
12	Australia	3,113	2,613	2,549	2.0	(563.8)	(18.1)	20,642	17,551	2.1
13	India	2,288	1,972	1,841	1.5	(446.7)	(19.5)	19,102	16,048	1.9
14	United Arab Emirates	2,691	2,225	2,362	1.9	(328.8)	(12.2)	18,215	14,281	1.7
15	Hong Kong	1,403	1,324	1,915	1.5	512.2	36.5	9,703	10,723	1.3
16	Brazil	1,416	946	968	0.8	(448.6)	(31.7)	9,128	7,218	0.9
17	Philippines	895	632	698	0.6	(197.1)	(22.0)	5,665	5,442	0.7
18	Switzerland	651	636	662	0.5	10.4	1.6	5,688	5,364	0.6
19	Argentina	705	776	607	0.5	(98.0)	(13.9)	4,470	4,484	0.5
20	Mexico	295	252	787	0.6	491.8	166.9	1,912	4,314	0.5
21	Cote D'Ivoire	287	231	94	0.1	(192.8)	(67.1)	2,976	4,146	0.5
22	United Kingdom	636	607	602	0.5	(33.5)	(5.3)	4,709	4,117	0.5
23	Canada	475	598	651	0.5	175.8	37.0	3,032	3,801	0.5
24	Ecuador	265	254	187	0.1	(78.0)	(29.4)	1,459	3,446	0.4
25	Russian Federation	509	618	395	0.3	(114.9)	(22.6)	5,746	3,127	0.4
26	New Zealand	428	373	342	0.3	(86.3)	(20.1)	2,761	2,550	0.3
27	Sudan	38	579	735	0.6	696.7	1,818.0	1,030	2,473	0.3
28	Oman	148	437	904	0.7	755.7	509.5	1,822	2,164	0.3
29	Turkiye	266	318	220	0.2	(46.3)	(17.4)	2,119	2,150	0.3
30	Kuwait	140	13	393	0.3	252.5	179.9	1,056	1,972	0.2
	30 Negara Utama	118,769	108,434	121,924	97.2	3,154.7	2.7	758,651	801,486	96.5
	Lain-lain Negara	5,947	4,711	3,545	2.8	(2,401.2)	(40.4)	31,175	28,671	3.5

Jadual IV: Eksport Mengikut Sektor dan Subsektor

Sektor dan Subsektor	Nilai RM juta (FOB)			Sumbangan (%)	Perubahan Tahunan		Nilai RM juta (FOB)		
	Jul 2024	Jun 2025	Jul 2025		Nilai RM juta (FOB)	%	Jan-Jul 2024	Jan-Jul 2025	Sumbangan (%)
Jumlah Eksport	131,503	121,550	140,448	100.0	8,945.1	6.8	863,635	900,474	100.0
Pembuatan	112,081	106,051	122,140	87.0	10,059.3	9.0	736,171	778,699	86.5
Barangan Elektrik & Elektronik	51,697	53,977	63,314	51.8	11,616.5	22.5	333,703	391,386	50.3
Keluaran Petroleum	11,161	8,383	8,124	6.7	(3,037.3)	(27.2)	79,899	59,600	7.7
Jentera, Kelengkapan dan Peralatan	5,900	6,555	6,836	5.6	936.1	15.9	39,113	44,897	5.8
Kimia dan Bahan Kimia	6,304	4,907	5,627	4.6	(677.0)	(10.7)	42,406	38,175	4.9
Barangan Perkilangan Logam	5,649	4,280	5,705	4.7	55.9	1.0	36,344	36,521	4.7
Barangan Optik dan Saintifik	5,149	5,093	5,641	4.6	492.3	9.6	34,218	34,906	4.5
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	3,162	2,966	3,692	3.0	529.7	16.8	20,065	23,145	3.0
Barangan Makanan Diproses	3,097	3,042	3,537	2.9	440.5	14.2	19,444	22,451	2.9
Barangan Besi dan Keluli	2,425	1,993	2,553	2.1	128.3	5.3	20,911	15,772	2.0
Keluaran Getah	2,366	1,688	2,251	1.8	(114.8)	(4.9)	14,592	14,392	1.8
Kelengkapan Pengangkutan	1,594	1,321	1,715	1.4	121.8	7.6	10,855	10,951	1.4
Barangan Perkilangan Plastik	1,629	1,352	1,601	1.3	(28.0)	(1.7)	10,069	10,000	1.3
Tekstil, Pakaian dan Kasut	1,616	1,260	1,491	1.2	(125.4)	(7.8)	10,200	9,481	1.2
Barangan Kayu	1,285	1,106	1,380	1.1	95.7	7.4	8,832	8,584	1.1
Barangan Galian Bukan Logam	1,091	1,168	1,282	1.0	191.7	17.6	7,292	8,078	1.0
Barangan Kertas Dan Palpa	1,185	949	1,150	0.9	(34.9)	(2.9)	8,347	7,516	1.0
Barang Kemasan	798	855	894	0.7	96.5	12.1	5,235	6,000	0.8
Barangan Minuman Dan Tembakau	236	224	218	0.2	(18.5)	(7.8)	1,750	1,644	0.2
Barangan Perkilangan Lain	5,738	4,933	5,128	4.2	(609.6)	(10.6)	32,894	35,198	4.5
Pertanian	10,055	8,959	9,189	6.5	(865.3)	(8.6)	57,843	62,379	6.9
Minyak Sawit dan Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	7,646	6,930	6,724	73.2	(922.2)	(12.1)	42,875	46,132	74.0
Getah Asli	394	246	294	3.2	(99.8)	(25.3)	2,579	2,561	4.1
Minyak Sayuran Lain	318	301	372	4.0	53.4	16.8	2,144	2,355	3.8
Kayu Gergaji dan Kumai	244	248	312	3.4	68.0	27.9	1,808	1,739	2.8
Makanan Laut Segar, Disejuk atau Beku	188	196	204	2.2	16.0	8.5	1,365	1,482	2.4
Kayu Balak	58	24	31	0.3	(27.1)	(46.3)	299	239	0.4
Keluaran Pertanian Lain	1,206	1,015	1,252	13.6	46.3	3.8	6,774	7,871	12.6
Perlombongan	8,423	5,575	8,058	5.7	(364.8)	(4.3)	63,747	52,113	5.8
Gas Asli Cecair (LNG)	4,769	3,416	4,424	54.9	(345.6)	(7.2)	36,784	30,281	58.1
Petroleum Mentah	1,928	1,058	1,910	23.7	(17.7)	(0.9)	17,446	11,896	22.8
Bijih Logam & Serpihan Logam	1,037	781	1,262	15.7	224.7	21.7	5,549	5,337	10.2
Petroleum Kondensat & Minyak Petroleum Lain	348	50	124	1.5	(223.2)	(64.2)	1,486	2,543	4.9
Timah	221	151	200	2.5	(21.2)	(9.6)	1,429	1,262	2.4
Baja Mentah & Galian Mentah	118	119	137	1.7	19.2	16.3	970	788	1.5
Hasil Galian Lain	1	1	1	0.0	(0.9)	(63.0)	84	5	0.0
Lain-Lain	945	964	1,061	0.8	115.8	12.3	5,875	7,283	0.8

Jadual V: Import Mengikut Sektor dan Subsektor

Sektor dan Subsektor	Nilai RM Juta (CIF)			Sumbangan (%)	Perubahan Tahunan		Nilai RM Juta (CIF)		
	Jul 2024	Jun 2025	Jul 2025		Nilai RM juta (CIF)	%	Jan-Jul 2024	Jan-Jul 2025	Sumbangan (%)
Jumlah Import	124,716	113,145	125,469	100.0	753.5	0.6	789,826	830,156	100.0
Pembuatan	106,274	95,957	107,914	86.0	1,639.6	1.5	659,792	702,316	84.6
Barangan Elektrik & Elektronik	43,181	39,811	48,551	45.0	5,370.1	12.4	248,420	317,862	45.3
Jentera, Kelengkapan dan Peralatan	11,713	10,550	10,953	10.2	(759.6)	(6.5)	65,038	69,608	9.9
Keluaran Petroleum	11,029	8,466	8,884	8.2	(2,144.8)	(19.4)	81,792	56,548	8.1
Kimia dan Bahan Kimia	9,180	8,246	7,976	7.4	(1,203.9)	(13.1)	61,600	55,799	7.9
Barangan Perkilangan Logam	6,497	5,450	5,804	5.4	(692.9)	(10.7)	42,409	37,224	5.3
Kelengkapan Pengangkutan	4,368	3,971	4,811	4.5	443.2	10.1	29,704	33,218	4.7
Barangan Optik dan Saintifik	2,783	2,919	3,524	3.3	741.3	26.6	18,715	19,656	2.8
Barangan Makanan Diproses	2,665	2,310	2,593	2.4	(72.6)	(2.7)	18,172	17,481	2.5
Barangan Besi dan Keluli	2,706	2,234	2,490	2.3	(216.1)	(8.0)	19,793	16,620	2.4
Tekstil, Pakaian dan Kasut	2,070	1,702	1,840	1.7	(230.9)	(11.2)	12,392	12,360	1.8
Barangan Perkilangan Plastik	1,458	1,417	1,472	1.4	14.0	1.0	9,503	9,603	1.4
Barangan Kertas Dan Palpa	1,274	1,039	1,175	1.1	(98.5)	(7.7)	8,143	7,685	1.1
Barangan Perkilangan Berasaskan Minyak Sawit	1,058	1,217	1,188	1.1	129.7	12.3	6,029	7,592	1.1
Barang Kemasan	830	1,216	1,011	0.9	180.9	21.8	5,117	6,937	1.0
Keluaran Getah	1,126	871	1,024	0.9	(101.6)	(9.0)	6,522	6,381	0.9
Barangan Galian Bukan Logam	841	727	735	0.7	(106.2)	(12.6)	5,566	4,837	0.7
Barangan Kayu	559	538	586	0.5	26.6	4.8	3,393	3,609	0.5
Barangan Minuman Dan Tembakau	333	258	308	0.3	(24.6)	(7.4)	2,048	1,848	0.3
Barangan Perkilangan Lain	2,604	3,014	2,989	2.8	385.6	14.8	15,435	17,448	2.5
Pertanian	7,078	5,953	6,260	5.0	(818.5)	(11.6)	44,431	51,061	6.2
Minyak Sawit dan Keluaran Pertanian Berasaskan Mi	302	491	683	10.9	380.6	126.0	2,305	4,488	8.8
Getah Asli	461	436	416	6.7	(44.3)	(9.6)	4,200	4,392	8.6
Minyak Sayuran Lain	364	429	348	5.6	(15.5)	(4.3)	2,551	3,150	6.2
Makanan Laut Segar, Disejuk atau Beku	400	366	365	5.8	(34.4)	(8.6)	2,554	2,804	5.5
Kayu Gergaji dan Kumai	71	88	74	1.2	2.9	4.1	552	522	1.0
Kayu Balak	3	21	4	0.1	1.5	53.1	27	62	0.1
Keluaran Pertanian Lain	5,478	4,122	4,368	69.8	(1,109.4)	(20.3)	32,243	35,642	69.8
Perlombongan	9,612	9,654	9,216	7.3	(396.0)	(4.1)	70,803	60,458	7.3
Petroleum Mentah	4,852	4,485	5,623	61.0	771.2	15.9	38,811	31,899	52.8
Bijih Logam & Serpihan Logam	1,605	2,306	1,877	20.4	271.7	16.9	10,032	11,916	19.7
Gas Asli Cecair (LNG)	974	654	509	5.5	(464.4)	(47.7)	5,895	3,888	6.4
Baja Mentah & Galian Mentah	253	265	208	2.3	(45.5)	(18.0)	1,727	1,615	2.7
Timah	46	47	38	0.4	(8.2)	(17.9)	306	332	0.5
Petroleum Kondensat & Minyak Petroleum Lain	-	-	-	-	-	#DIV/0!	295	273	0.5
Hasil Galian Lain	1,882	1,897	961	10.4	(920.7)	(48.9)	13,738	10,534	17.4
Lain-lain	1,751	1,582	2,080	1.7	328.4	18.8	14,800	16,322	2.0

Jadual VI: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC)

Kategori BEC	Nilai RM juta (CIF)			Sumbangan (%)	Perubahan Tahunan		Nilai RM juta (CIF)		
	Jun 2024	May 2025	Jun 2025		Nilai RM juta (CIF)	%	Jan-Jun 2024	Jan-Jun 2025	Sumbangan (%)
Import Kasar	111,740	125,858	113,130	100.0	1,389.8	1.2	665,110	704,672	100
Barangan Modal	11,992	22,651	14,603	12.9	2,610.9	21.8	76,965	107,579	15.3
Barangan Modal (Kecuali Alat Kelengkapan Pengangkutan)	10,945	22,224	13,746	12.2	2,801.3	25.6	72,977	100,604	14.3
Alat Kelengkapan Pengangkutan Perindustrian	1,047	426	857	0.8	(190.4)	(18.2)	3,988	6,975	1.0
Barangan Penggunaan	9,258	10,101	9,402	8.3	144.3	1.6	57,336	58,063	8.2
Barangan Tahan Lama	1,488	1,757	1,756	1.6	268.0	18.0	8,538	9,550	1.4
Makanan dan Minuman, Utama, Khusus Untuk Penggunaan Isirumah	1,130	1,224	1,063	0.9	(66.7)	(5.9)	7,698	7,496	1.1
Makanan dan Minuman, Diproses, Khusus Untuk Penggunaan Isirumah	2,986	3,251	2,924	2.6	(62.2)	(2.1)	19,231	18,760	2.7
Barangan Tidak Tahan Lama	2,009	2,075	1,913	1.7	(95.8)	(4.8)	11,683	11,837	1.7
Barangan Separa Tahan Lama	1,483	1,600	1,604	1.4	121.3	8.2	9,380	9,515	1.4
Alat Kelengkapan Pengangkutan Bukan Perindustrian	163	195	142	0.1	(20.3)	(12.5)	806	903	0.1
Barangan Dua Guna	3,733	1,531	2,065	1.8	(1,668.1)	(44.7)	24,370	14,324	2.0
Bahan Api & Pelincir, Diproses, Minyak Kenderaan	2,787	351	1,380	1.2	(1,407.8)	(50.5)	19,177	8,990	1.3
Alat Kelengkapan Pengangkutan Motokar Penumpang	945	1,179	685	0.6	(260.3)	(27.5)	5,193	5,334	0.8
Barangan T.S.T.L	335	601	514	0.5	178.8	53.4	1,832	3,078	0.4
Barangan Perantaraan	60,853	65,169	60,114	53.1	(738.6)	(1.2)	362,053	361,832	51.3
Makanan & Minuman, Utama, Khusus untuk Industri	1,207	1,740	1,306	1.2	99.7	8.3	8,155	13,118	1.9
Makanan & Minuman, Diproses, Khusus untuk Industri	1,192	1,373	977	0.9	(214.6)	(18.0)	7,103	7,276	1.0
Bahan Api & Pelincir, Utama	8,153	6,049	6,132	5.4	(2,021.7)	(24.8)	41,998	33,976	4.8
Bahan Api & Pelincir, Diproses, Lain-lain	3,398	1,829	2,307	2.0	(1,091.2)	(32.1)	19,626	14,429	2.0
Bekalan Perindustrian, T.S.T.L, Utama	2,938	3,878	4,127	3.6	1,188.8	40.5	19,593	21,069	3.0
Bekalan Perindustrian, T.S.T.L, Diproses	21,674	22,317	20,141	17.8	(1,532.4)	(7.1)	135,443	121,700	17.3
Alat Ganti dan Aksesori Barangan Modal (Kecuali Alat Kelengkapan Pengangkutan)	18,497	23,034	20,653	18.3	2,155.4	11.7	106,570	124,304	17.6
Alat Ganti dan Aksesori untuk Kelengkapan Pengangkutan	3,793	4,948	4,471	4.0	677.4	17.9	23,568	25,959	3.7
Transaksi Bawah RM5,000	-	-	-	-	-	#DIV/0!	-	-	-
Import Tertangguh	86,170	100,052	86,697	76.6	527.2	0.6	522,557	544,876	77.3
Eksport Semula	25,570	25,805	26,433	23.4	862.6	3.4	142,553	159,796	22.7